

MRT projek berpaksikan rakyat

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Transit Aliran Massa (MRT) adalah sebuah projek berpaksikan rakyat secara holistik dan direncana dengan menjadikan rakyat sebagai tumpuan utama selain merupakan penanda aras buat semua perancangan masa hadapan negara.

Perdana Menteri berkata, MRT dibina bukan sekadar sebagai pengangkutan awam, namun kerajaan memandang dan melakukan kajian mendalam dari segi kehidupan rakyat, mengambil kira jaringan rangkaian, kepadatan penduduk, aliran trafik dan keperluan pengguna.

Malah lebih daripada itu, kata beliau, kerajaan juga memberi penekanan khusus terhadap kesalinghubungan di antara batuan pertama dan yang terakhir.

“Merujuk kepada sistem pengangkutan awam sedia ada, tidak dapat dinafikan bahawa kita ce-

merlang dari segi pembinaan infrastruktur kelas pertama. Namun malangnya, banyak daripada kemudahan ini tidak diselenggara dengan baik dan pada kebanyakan masa juga tidak beroperasi atau diguna pakai secara optimum.

“Bertahun lamanya kita telah mendengar rintihan, keluhan dan aduan pengguna mengenai pengangkutan awam negara. Tren lewat tidak mengikut jadual, gerabak lama yang usang dan sesak, sistem jaringan yang tidak berhubung dan menyusahkan pengguna, serta bermacam lagi.

“Kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, tetapi pada masa sama tidak berjaya menangani aduan dan permasalahan yang dilalui pengguna dengan cara yang berkesan,” kata Perdana Menteri dalam laman blognya *Najib Razak.com* hari ini.